



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

MAJIKAN DIGESA MEMASTIKAN BAYARAN GAJI KEPADA PARA PEKERJA ADALAH MELALUI AKAUN BANK

1. Menteri Sumber Manusia YB. Tuan V. Sivakumar melalui sidang media yang diadakan pada hari ini **22 Ogos 2023 (Selasa)**, telah menggesa para majikan di Malaysia untuk memastikan pembayaran gaji kepada semua pekerja mereka tidak kira tempatan mahupun asing hendaklah dibayar melalui akaun bank. **Ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 25 dan 25(A) Akta Kerja 1955 [Akta 265]**. Pembayaran upah secara tunai atau cek hanya boleh dilakukan di atas permintaan pekerja sendiri dan dengan mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 25A(1) akta sama.
2. Mana-mana majikan yang tidak membuat bayaran gaji melalui akaun bank seperti yang ditetapkan **dianggap telah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan bersalah boleh dikenakan denda tidak lebih Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000.00) bagi satu kesalahan.**
3. Gesaan ini dibuat ekoran timbulnya isu buruh paksa melalui dakwaan bahawa terdapat segelintir pekerja khususnya pekerja asing yang tidak dibayar gaji atau gaji dibayar lewat dan diberikan secara tunai. Umum mengetahui bahawa pekerja **tidak dibayar gaji atau lewat dibayar gaji** adalah merupakan **salah satu elemen buruh paksa dari 11 elemen** yang digariskan oleh pihak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization: ILO*).
4. Pihak KSM menyatakan bahawa pematuhan para majikan terhadap pembayaran gaji melalui bank ini akan menjadi antara mekanisme yang membolehkan Kerajaan

memantau akan aktiviti majikan dan ia sedikit sebanyak menjadi benteng mengurangkan dakwaan berhubung isu buruh paksa.

5. Malahan menurut YB Menteri Sumber Manusia itu, pematuhan terhadap akta yang berkuatkuasa adalah sangat penting bagi majikan khususnya yang terlibat dengan aktiviti eksport barangan. Majikan yang dikenakan tuduhan terlibat dengan buruh paksa akan berdepan dengan sekatan dan barangan keluaran mereka tidak akan dibenarkan untuk memasuki pasaran negara pengimport. Ini akan membawa kepada suatu kerugian yang bukan sedikit. Malahan, imej syarikat tersebut dan juga negara akan buruk di persada antarabangsa. Perkara seperti ini yang hendak dielakkan.
6. Sehubungan itu, KSM menggesa para majikan untuk terus patuh terhadap semua akta yang dikuatkuasakan. Malah, aktiviti penguatkuasaan oleh semua jabatan dan agensi di bawah KSM akan terus dilaksanakan selaras perundangan di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan. Penguatkuasaan ini perlu dilakukan secara berterusan demi memastikan kebajikan para pekerja dipelihara dan keharmonian perburuhan negara terus diperkasa serta membasmi sebarang amalan buruh paksa dalam negara.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
KUALA LUMPUR
22 OGOS 2023**